

**PERANAN DAN CABARAN PUSAT PENGURUSAN  
WARGA TUA: KAJIAN KES DI *THE HOPE*  
*VILLAGE* TUARAN, SABAH**



**HAFIEZA BINTI MORSHIDI**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PERANAN DAN CABARAN PUSAT PENGURUSAN  
WARGA TUA: KAJIAN KES DI *THE HOPE*  
*VILLAGE* TUARAN, SABAH**

**HAFIEZA BINTI MORSHIDI**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA  
PROGRAM SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI  
SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Latihan ilmiah ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

**22 OGOS 2022**

**HAFIEZA BINTI MORSHIDI**



---

**(BA19110412)**



**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN STATUS TESIS

NAMA : HAFIEZA BINTI MORSHIDI

NO. MATRIK : BA19110412

TAJUK : PERANAN DAN CABARAN PUSAT PENGURUSAN  
WARGA TUA: KAJIAN KES DI *THE HOPE VILLAGE*  
TUARAN, SABAH

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI  
SOSIAL)



UMS  
DISAHKAN OLEH  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TANDATANGAN**

**PENYELIA UTAMA**

PUAN RAMLAH BINTI DAUD  
PENYELIA LATIHAN ILMIAH

-----

## PENGHARGAAN

Segala pujian Allah SWT pemilik sekalian alam. Saya sangat bersyukur kepada Allah dengan keizinan dan rezeki daripadanya dapat saya sempurnakan penulisan Latihan ilmiah ini.

Saya merakamkan setulus penghargaan kepada penyelia utama saya, iaitu Dr Ramlah Binti Daud yang sanggup meluangkan masa untuk membimbing saya sepanjang perjalanan penulisan ilmiah ini bermula sehingga ke akhirnya. Semoga Dr Ramlah diberikan kesihatan yang baik oleh Allah SWT agar terus dapat mendidik anak bangsa Universiti Malaysia Sabah menjadi insan yang berguna pada masa hadapan.

Penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan dorongan semangat sepanjang saya menghasilkan penulisan ilmiah ini, khususnya rakan-rakan kursus Sosiologi Dan Antropologi Sosial. Dalam pada itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua informan kajian, iaitu pengurus (Encik Clarence) dan staf pekerja *The Hope Village* Tuaran Sabah kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual bagi memperolehi data. Saya mendoakan kesejahteraan kalian atas kebaikan yang telah diberikan dan dicurahkan semasa menjayakan penulisan ini.

Tidak dilupakan juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya ibu (Norliah Binti Rasdi) dan Bapa (Morshidi Bin Abang Ripin), serta kakak, abang dan adik saya kerana tidak henti-henti memberikan sokongan mora sepanjang perjalanan dalam menyiapkan kajian ini sehingga sempurna.

## ABSTRAK

Isu penuaan penduduk adalah suatu fenomena yang bakal melanda negara Malaysia pada abad ke-21. Hal ini demikian kerana statistik kumpulan penduduk warga emas yang telah berumur 60 tahun keatas telah mengalami peningkatan, dimana 3.4 juta warga emas atau 10.4 peratus daripada keseluruhan penduduk menurut rekod Banci Malaysia. Tambahan pula, isu penuaan penduduk kini juga melibatkan semua aspek dalam kehidupan sama ada individu, masyarakat dan negara. Dengan itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh pengurus dan staf pekerja dalam pengurusan warga tua. Malahan, kajian ini juga adalah untuk memperlihatkan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurus dan staf pekerja semasa penjagaan warga tua di *The Hope Village* Tuaran. Seramai 12 orang informan kajian yang terdiri daripada pengurus, jururawat, *Caregiver* dan warga tua yang menetap di *The Hope Village* Tuaran telah dipilih sebagai sampe kajian. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan pendekatan yang bersifat kualitatif, iaitu menggunakan instrumen temu bual secara mendalam sebagai data primer, malah pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan laman sesawang sebagai data sekunder bagi membantu memperolehi data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pihak pengurus dan staf pekerja di *The Hope Village* Tuaran memainkan peranan yang baik dalam pengurusan warga tua. Tambahan pula, pengkaji juga dapat mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurus dan staf pekerja semasa pengurusan warga tua, seperti cabaran dalam pengurusan emosi warga tua. Akhir sekali, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kajian sebagai penambahbaikan kepada kajian yang akan datang ataupun menjadi panduan kepada masyarakat di luar sana, khususnya berkaitan ilmu pengurusan warga tua.

Kata Kunci: Penuaan, warga emas, peranan, cabaran

**THE ROLES AND CHALLENGES OF ELDERLY MANAGEMENT CENTER: A  
CASE STUDY IN THE HOPE VILLAGE TUARAN, SABAH**

**ABSTRACT**

*The issue of population aging is a phenomenon that will hit Malaysia in the 21st century. This is because the statistics of senior citizens who have reached the age of 60 and above is increasing, where 3.4 million senior citizens or 10.4 percent of the entire population according to the Malaysian Census records. Furthermore, the issue of population aging now also involves all aspects in the lives of individuals, communities, and countries. This study was conducted to reviewing the role played by managers and staff in the management of the elderly. Besides that, this study also to evince the challenges faced by managers and staff while caring for the elderly people at The Hope Village Tuaran. A total of 12 research informants, including the managers, nurses, caregivers, and senior citizens living in The Hope Village Tuaran were selected as the study sample. The results of the study found that managers and staff at The Hope Village Tuaran contribute to taking care of the senior citizen. Therefore, the researcher can also identify the challenges faced by managers and staff during the management of the senior citizen such as challenges in managing the emotions of the elderly citizen. Finally, the researcher will submitted and compiled some suggestion as an improvement to future studies or will be a guide to the community out there, especially related to the knowledge of handling the senior citizens.*

*Keyword: Aging, the elderly, roles, challenges*

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACK</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI PETA</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI AKRONIM</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian	4
1.3 Persoalan kajian	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Kepentingan kajian	7
1.6 Skop kajian	8
1.7 Pembahagian bab dalam tesis	8
1.8 Kesimpulan	10
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR .....</b>	<b>11</b>
1.1 Pengenalan	11
1.2 Konsep utama dalam kajian	11
2.2.1 Gerontologi	11
2.2.2 Warga Emas	12
1.3 Sorotan kajian lepas berkaitan isu pengurusan warga emas	12



1.4	Aplikasi teori dalam kajian	19
1.4.1	Jenis dan definisi teori sosial (penuaan)	20
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>24</b>
3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka bentuk kajian	24
3.3	Lokasi kajian	26
3.4	Kaedah pengumpulan data	29
3.5	Informan kajian	28
3.6	Kaedah kutipan data	30
3.6.1	Temu bual mendalam	30
3.6.2	Kaedah kepustakaan	34
3.6.3	Rujukan Laman Sesawang (Internet)	34
3.7	Pengumpulan Data	35
3.8	Penganalisan Data Kualitatif	37
3.9	Pembentukan sub tema	38
3.10	Pembentukan sub topik	39
<b>BAB 4 LATAR BELAKANG THE HOPE VILLAGE TUARAN ....</b>		<b>40</b>
4.1	Pengenalan	40
4.2	Dapatan Demografi Responden	40
4.3	Faktor dan minat untuk menceburi bidang pengurusan warga tua di <i>The Hope Village</i> Tuaran	42
4.3.1	Faktor yang mendorong untuk menceburi bidang pekerjaan dalam pengurusan warga tua	42
4.3.2	Tahap minat staf pekerja dalam pengurusan Warga tua	44

4.4 Kajian kes di The Hope Village Tuaran	45
4.4.1 Isu dalam pengurusan warga tua di psat jagaan THV	46
4.4.2 Faktor membawa warga emas menetap di pusat jagaan THV	48
4.5 Kepentingan ilmu gerontologi dalam pengurusan warga tua	50
4.5.1 Kepentingan ilmu pengurusan warga tua diterapkan dalam diri golongan belia	50
4.5.2 Kepentingan ilmu gerontologi diterapkan dalam keluarga dan negara	52
4.6 Perbincangan	54
<b>BAB 5 PERANAN PENGURUS DAN STAF PEKERJA .....</b>	<b>56</b>
<b>DALAM PENGURUSAN WARGA TUA</b>	
5.1 Pengenalan	56
5.2 Peranan dan skop tugas utama pengurusan warga tua	56
5.3 Peranan dalam penjagaan kesihatan warga tua	59
5.3.1 Peranan pengurusan harian kesihatan warga tua oleh staf pekerja	60
5.3.2 Peranan pengurusan kesihatan warga emas Semasa pandemik Covid-19 di THV	64
5.4 Peranan dalam pengurusan kesejahteraan warga tua	68
5.5 Perbincangan	74
<b>BAB 6 CABARAN PENGURUS DAN STAF PEKERJA .....</b>	<b>76</b>
<b>KETIKA MENGURUS WARGA TUA</b>	
6.1 Pengenalan	76
6.2 Cabaran dalam mendapatkan sumber kewangan	76
6.3 Cabaran dalam pengurusan kesihatan warga tua	80
6.4 Cabaran terhadap persepsi negatif masyarakat	87
6.5 Cabaran dalam pengurusan kesejahteraan ketika mengurus warga tua	88
6.6 Cabaran yang dihadapi semasa pandemik dan endemik dalam pengurusan warga tua	90
6.6.1 Perbezaan pengurusan warga tua semasa	


Pandemik dan Endemik di <i>The Hope Village</i> Tuaran	90
6.7 Perbincangan	93
<b>BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN .....</b>	<b>95</b>
7.1 Pengenalan	95
7.2 Ringkasan dapatan kajian	95
7.3 Cadangan kajian	99
7.4 Rumusan	100
<b>RUJUKAN</b>	<b>101</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>106</b>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

JADUAL 2.1: Jenis Dan Definisi Teori Sosial Penuaan .....	22
JADUAL 3.1: Jumlah Residen Yang Menetap Di <i>The Hope Village</i> Tuaran ....	27
JADUAL 3.2: Kerangka Soalan Temu Bual .....	31
JADUAL 3.3: Analisis Sub Tema .....	38
JADUAL 3.4: Analisis Sub Topik .....	39
JADUAL 4.1: Demografi Informan .....	40
JADUAL 4.2: Demografi Warga Tua <i>The Hope Village</i> (THV) .....	41
JADUAL 1: Simbol-simbol Transkrip .....	106
JADUAL 2: Sampel Transkrip .....	106



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

RAJAH 3.1: Reka Bentuk Kajian .....	25
RAJAH 3.2: Kaedah Pengumpulan Data Kajian .....	29
RAJAH 3.3: Proses Pengumpulan Data Kajian .....	36
RAJAH 3.4: Proses penganalisis Data Kualitatif.....	37



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GAMBAR

GAMBAR 3.1: <i>The Hope Village Tuaran (Care Centre)</i> .....	26
GAMBAR 3.2: Kediaman Fasa 1 .....	28
GAMBAR 3.3: Kediaman Fasa 2 .....	28
GAMBAR 3.4: Sesi Temu Bual Bersama Informan .....	33



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

PETA 1 : Lokasi Kajian <i>The Hope Village</i> Tuaran .....	26
---	----



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI AKRONIM

PKP	- Perintah Kawalan Pergerakan
SOP	- Perintah Operasi Standard
THV	- <i>The Hope Village</i>
UMS	- Universiti Malaysia Sabah



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Malaysia mempunyai penduduk seramai 32.4 juta orang pada tahun 2020 dengan Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) penduduk adalah sebanyak 1.7 peratus dalam tempoh 10 tahun menurut kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selaku Perdana Menteri Malaysia. Dalam pada itu, Perdana Menteri juga menyatakan bahawa seramai 52.3 peratus adalah kaum lelaki, manakala 47.7 peratus merupakan kaum wanita penduduk di Malaysia dengan nisbah jantina, iaitu 110 lelaki berbanding 100 wanita daripada jumlah keseluruhan penduduk. Sementara itu, statistik kumpulan penduduk warga emas yang telah berumur 60 tahun keatas telah mengalami peningkatan, dimana 3.4 juta warga emas atau 10.4 peratus daripada keseluruhan penduduk dalam rekod Banci Malaysia 2020. Keadaan ini telah peratusan warga emas yang berumur 60 tahun keatas mengalami taraf peningkatan yang tinggi berbanding pada tahun 2010 hanya mencatatkan 2.2 juta penduduk atau 8 peratus sahaja. Tambahan pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa penemuan Banci 2020 ini dapat dijadikan tanda aras baharu untuk kerajaan menggariskan dasar yang berkaitan dalam pembangunan kesejahteraan rakyat. Hal ini demikian kerana penemuan Banci Tahun 2020 ini dapat memberikan input yang menyeluruh dalam pelaksanaan dasar sedia ada berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Agenda 2030 Pembangunan Mampan SDGs ( Berita Harian, 2022).

Selain itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim menjelaskan bahawa berdasarkan unjuran yang telah dihasilkan oleh Jabatan Perangkaan, negara Malaysia dijangka akan mencapai status "negara tua" pada tahun 2035 apabila 15 peratus penduduk merupakan warga emas.

Datuk Seri Rohani juga turut menyatakan bahawa pihak kerajaan perlu melakukan pelbagai persediaan bagi menghadapi status negara tua untuk memastikan golongan tua tersebut berada dalam keadaan penuaan yang sihat, produktif dan masih boleh menyumbangkan tenaga kepada masyarakat. Hal ini kerana keperluan tenaga kerja, wang tabungan dan pusat penjagaan warga tua adalah sangat penting bagi persediaan pihak kerajaan bagi menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 (Utusan Borneo, 2016). Tambahan pula, terdapat Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang telah diluluskan pada 5 Januari 2011 lalu. Dasar ini merupakan satu komitmen pihak kerajaan bagi mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dalam proses mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif dan aktif untuk menyokong peningkatan kesejahteraan hidup dalam pembangunan Negara. Hal ini kerana matlamat Dasar Warga Emas Negara adalah merujuk kepada mendaya upayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan, serta membangunkan persekitaran bagi membantu warga emas hidup sejahtera (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017).

Disamping itu, dasar yang diwujudkan oleh kerajaan dapat memastikan objektif untuk meningkatkan kehormatan, martabat diri dan harga diri warga tua di samping keluarga, masyarakat dan negara melalui perancangan atau pelan jangka panjang yang sistematik di sebuah negara. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memberi fokus kepada peranan dan cabaran pengurusan warga dalam kalangan staff pekerja di institusi penjagaan warga emas. Hal ini demikian kerana kajian ini amat penting kerana ianya mampu untuk memberikan gambaran terhadap realiti sebenar cabaran dalam pengurusan warga emas yang telah dialami oleh pihak pengurus dan pekerja sosial ketikan menguruskan warga emas di sebuah institusi penjagaan warga atau rumah orang tua.

Menurut Noraida et.al (2016), menyatakan bahawa isu penuaan penduduk adalah suatu fenomena yang bakal melanda negara Malaysia pada abad ke-21. Hal ini kerana berlakunya peningkatan warga emas yang berumur 60 tahun keatas tahun demi tahun. Malahan, isu penuaan penduduk kini juga melibatkan

semua aspek dalam kehidupan sama ada individu, masyarakat dan negara. Bagi mengatasi masalah isu penuaan penduduk, pihak kerajaan telah mewujudkan sebanyak 22 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT) sejak tahun 2001 sebagai satu tempat warga tua yang berumur 60 tahun keatas untuk melakukan aktivita seharian mereka. Tambahan pula, terdapat 22 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang ditubuhkan di bawah JKM yang telah dikendalikan oleh pihak NGO telah ditubuhkan pada tahun 2012, selain pusat jagaan dibawah phak kerajaan. Hal ini bertujuan untuk memastikan warga emas dapat berdikari dan berinteraksi antara mereka dan pelbagai program telah disediakan, seperti program keagamaan, program rekreasi, terapi dan pemulihan pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan dan latihan khusus untuk warga tua di pusat penjagaan (Nur Syakiran et.al, 2017).

Disamping itu, kumpulan warga emas juga tergolong dalam penduduk yang mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menghidap penyakit kritikal. Malahan, penjagaan kesihatan dan rawatan pemeriksaan ini memerlukan kos rawatan tinggi, disebabkan penyakit kritikal ini memerlukan kepakaran dan penggunaan alat-alat perubatan yang canggih bagi merawat kesihatan warga tua. Tambahan pula, sekiranya terdapat golongan warga tua yang tidak mampu mengeluarkan perbelanjaan sendiri atau melalui pihak keluarga, maka mereka boleh mendapatkan penjagaan kesihatan dan rawatan daripada hospital kerajaan. Oleh itu, pihak kerajaan pula terpaksa mengeluarkan kos bagi penambahbaikan perkhidmatan kesihatan warga emas di setiap hospital kerajaan di negara Malaysia.

Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai peranan dan cabaran yang telah dihadapi oleh pusat jagaan warga tua, seperti isu berdepan dengan kekangan kewangan untuk menguruskan institusi jagaan tersebut. Dalam pada itu, pekerja sosial dan staff pekerja di rumah jagaan warga tua juga turut menghadapi cabaran dalam membantu menguruskan warga tua. Hal ini demikian kerana pekerja sosial atau staff pekerja rumah warga tua perlu menitikberatkan kesihatan fizikal dan mental warga tua untuk menjamin kesejahteraan mereka

yang tinggal di pusat jagaan. Tambahan pula, pekerja sosial juga perlu mementingkan penjagaan kesihatan dan keselamatan warga emas sepanjang proses penuaan dan pengurusan warga tua yang menghidap penyakit kronik agar tidak memberikan kesan kepada kemerosotan fizikal dan mental mereka.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Sejak kebelakangan ini, berlakunya peningkatan dalam jumlah warga emas di negara Malaysia ekoran dari penurunan kadar kelahiran dan mortaliti semenjak tahun 1960 an. Hal ini demikian kerana telah wujud penambahbaikan dalam kemudahan kesihatan dan peningkatan kawalan penyakit berjangkit. Malahan, jumlah warga emas di negara Malaysia juga dijangka telah meningkat sebanyak 3 juta, iaitu dalam anggaran 10 peratus daripada anggaran 32 juta penduduk bagi tahun 2020 yang dipetik daripada kajian Norazam pada tahun 2000 (Doris et,al 2009). Menurut Doris et.al (2009), menyatakan bahawa peningkatan jangka hayat warga tua atau warga emas di negara Malaysia adalah disebabkan oleh kemajuan sains dan teknologi perubatan, peningkatan taraf hidup, penurunan kadar mortaliti, peningkatan tahap pendidikan, kemerosotan fertiliti dan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan. Keadaan ini telah memerlukan peranan tenaga pekerja sosial bidang gerontologi dan terdapat juga cabaran atau permasalahan yang timbul yang dihadapi oleh institusi penjagaan warga tua di sebuah negara.

Menurut Lai Wei Sieng (2020), menyatakan bahawa peratusan penduduk berusia 60 tahun keatas telah meningkat daripada 10.3 peratus pada tahun 2019 kepada 10.7 peratus seperti yang dilaporkan oleh statistik Jabatan Perangkaan Malaysia. Hal ini demikian kerana pihak kerajaan perlu meningkatkan peruntukan keselamatan sosial berdasarkan peningkatan jumlah penduduk yang semakin tua. Sebagai contoh, semakin ramai warga tua yang telah bersara, sumbangan dalam dana keselamatan sosial juga semakin berkurang. Justeru itu, dana tetap disalurkan kepada populasi tua semakin meningkat. Dalam pada itu, warga emas juga sering dikaitkan dengan masalah penyakit kronik sehingga memerlukan

rawatan dan penjagaan secara berterusan. Sebagai contoh, kebanyakan warga emas mengalami masalah kerosakan buah pinggang disebabkan oleh penyakit diabetes dan darah tinggi. Situasi ini secara tidak langsung telah menyebabkan pihak kerajaan perlu menggunakan dana dan sumber manusia untuk menyediakan rawatan kesihatan akibat daripada kenaikan kos penjagaan kesihatan pada masa kini (Berita Harian, 2022).

Di negara Malaysia, terdapat 22 buah pusat penjagaan warga tua yang telah ditubuhkan bagi menjamin pengurusan warga emas, seperti Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE). Hal ini kerana penubuhan pusat jagaan ini adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan jagaan harian kepada warga emas, khususnya individu yang tinggal sendirian atau berseorangan ketika anak-anak, penjaga atau keluarganya keluar bekerja. Akan tetapi, tidak semua anak-anak yang tempat tinggal mereka berada berdekatan dengan Pusat Aktiviti Warga Emas tidak berminat untuk menghantar ibu bapa mereka ke pusat tersebut ( Zaidatul Nadiah & Nurul Nadia, 2019). Justeru itu, terdapat juga beberapa kajian empirikal yang telah dijalankan di negara China lebih memilih pembantu rumah yang diambil secara khusus untuk menjaga ibu bapa yang uzur. Hal ini demikian kerana pembantu rumah yang diambil untuk penjagaan warga tua perlulah memainkan peranan dalam memastikan kesihatan warga tua terjamin. Ini kerana pembantu rumah perlu mempunyai pengetahuan asas pertolongan cemas, kemahiran mengambil bacaan darah tinggi dan memberikan bantuan pernafasan sekiranya berlaku serangan jantung (Zaidatul Nadiah & Nurul Nadia, 2019).

Akibatnya, peningkatan golongan warga tua ini juga dilihat sebagai satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos perbelanjaan awam. Malahan, isu penuaan masyarakat yang semakin meningkat ini telah mengundang kebimbangan dalam kalangan masyarakat berikutan disebabkan oleh cabaran yang perlu dihadapi, khususnya kepada pengurus dan pekerja sosial yang berada di Pusat Jagaan Warga Tua. Menurut Jason Loh (2020), melaporkan bahawa terdapat keperluan bagi mempertimbangkan semula konsep atau istilah diantara penjagaan kesihatan dan sosial selaras dengan

peningkatan kadar penduduk tua di negara Malaysia. Hal ini kerana penggabungan dua organisasi penjagaan ini mampu melahirkan hubungan yang bersepadu. Tambahan pula, penjagaan kesihatan merujuk kepada penyediaan perkhidmatan yang melibatkan perawatan dan rawatan pesakit. Manakala, istilah penjagaan sosial adalah sangat berkait rapat dengan penyediaan warga tua. Antara cabaran dalam pengurusan warga tua adalah melibatkan pengurusan emosi dan ego. Menurut pengurus Pusat Jagaan Warga Emas Zakat Selangor, iaitu Zaharudin Salim menyatakan bahawa pengurusan emosi dan ego penghuni jagaan bukanlah sesuatu perkara yang mudah ditangani. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, pihak pengurus telah mengasingkan warga tua mengikut peraturan satu bilit didiami oleh dua penghun bagi mendapatkan keselesaan fizikal dan mental warga tua. Dalam pada itu, pekerja sosial rumah jagaan orang tua juga tidak memaksa penghuni bagi menyertai sebarang aktiviti untuk memberikan kebebasan kepada warga tua tersebut (Berita Harian, 2022).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat peranan yang dimainkan pengurus dan pekerja sosial dalam mengurus warga tua yang menetap di The Hope Village Tuaran supaya dapat mengenal pasti tanggungjawab penjagaan sosial dan kesihatan penghuni di THV. Selain itu, melalui kajian ini dapat mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurus dan staf pekerja ketika menguruskan warga tua yang tinggal di The Hope Village Tuaran tersebut.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan:

1.3.1 Apakah peranan pengurus dan staff pekerja di *The Hope Village*, Tuaran?

1.3.2 Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurus dan staff pekerja ketika menguruskan warga tua yang tinggal di *The Hope Village*, Tuaran.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan, terdapat dua objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Antara objektif tersebut adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti peranan pengurus dan staf pekerja dalam pengurusan warga tua di *The Hope Village*, Tuaran.
- 1.4.2 Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pengurus dan staf pekerja ketika mengurus warga tua di *The Hope Village*, Tuaran.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian ini memberikan kepentingan kepada mahasiswa untuk mengetahui peranan yang telah dijalankan oleh penyelia dan staf pekerja di THV dalam mengurus rutin harian warga tua yang menetap di *The Hope Village*. Tambahan pula, kepentingan daripada dapatan kajian ini juga untuk mengetahui cabaran penyelia dan staf pekerja terhadap pengurusan warga tua, khususnya warga tua yang menghadapi penyakit demensia.

- 1.5.1 Kajian ini dapat membantu dan menerangkan persediaan awal panduan penjagaan warga tua kepada masyarakat dan generasi muda pada masa kini.
- 1.5.2 Mengenalpasti cara pihak pengurus dan staf pekerja dalam penjagaan warga emas di institusi penjagaan warga tua.
- 1.5.3 Menjelaskan tentang cabaran yang telah dihadapi oleh pihak pengurus dan pekerja sosial semasa mengurus dan melayani karenah warga tua yang mempunyai penyakit demensia.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Sesuatu kajian perlu mempunyai skop dan limitasi kajian tersendiri. Dalam kajian ini pengkaji telah melimitkan beberapa perkara yang dirasakan perlu agar kajian yang dijalankan dapat disiapkan mengikut tempoh waktu yang telah ditetapkan. Kajian ini tertumpu kepada pihak pengurus dan beberapa orang staf pekerja yang telah berkhidmat di *The Hope Village Tuaran*. Tambahan pula, pengkaji juga telah mengambil dua orang residen warga tua ditanyakan beberapa soalan bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan.

## **1.7 PEMBAHAGIAN BAB DALAM TESIS**

Dalam bahagian ini, pembahagian penulisan tesis adalah terbahagi kepada beberapa bab. Setiap bab itu merupakan komponen penting bagi menerangkan dan menjelaskan kajian yang dilakukan secara lebih terperinci. Oleh yang demikian, di dalam tesis ini mengandungi 7 bab yang mana di dalam setiap bab tersebut akan ada subtopik berkaitan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Bab pertama dalam kajian ini menjelaskan dan menerangkan perkara-perkara yang terdapat dalam kertas cadangan, iaitu pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasi kajian dan pembahagian bab dalam tesis. Hal ini demikian kerana bab pertama ini adalah penting kerana ianya akan menentukan kajian boleh diteruskan atau tidak. Justeru itu, bab pertama juga dapat memastikan tajuk kajian yang dipilih adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

Selain itu, bab kedua pula adalah untuk menerangkan berkenaan kajian literatur bagi tajuk kajian yang telah dipilih. Hal ini termasuk melihat kepada kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para penyelidik lepas. Tambahan pula, bab dua ini juga penting kerana pengkaji akan menggunakan